



Ruj. Kami : Bil. (5) dlm.MPKK (P)5/904/1-61/2024
Tarikh : 18 April 2024

Kontraktor yang Berdaftar dengan CIDB dan Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dengan Gred G2 – Pengkhususan Kategori CE01, CE 02, CE 21 & dan Sijil Taraf Bumiputera

SEBUTHARGA BIL. 61/2024 –MEMBAIK PULIH JAMBATAN DI KG. VEERASAMY, SG. SIPUT (U), PERAK

Merujuk kepada perkara di atas, kontraktor yang berdaftar dengan PKK dan CIDB dalam kelas, kepala dan sub-kepala di atas dan yang masih dibenarkan menyertai sebutharga/tawaran adalah dipelawa untuk mengemukakan harga bagi melaksanakan kerja-kerja di atas seperti yang dihuraikan di dalam ringkasan sebutharga berkepil.

2. Kontraktor yang layak menyertai sebutharga ini bolehlah mendapatkan borang sebutharga di **Kaunter MPKK** dengan harga **RM 50.00** seperti butiran berikut:-

- | | | |
|-----|---------------------------------|---|
| 2.1 | Tarikh Lawatan Tapak | :22.04.2024 (Isnin) Jam 10.00 Pagi |
| 2.2 | Lokasi Berkumpul | :Jambatan Kg. Veerasamy, Sg. Siput (U) |
| 2.3 | Tempoh Jualan Borang Sebutharga | :22.04.2024 hingga 30.04.2024 |
| 2.4 | Tarikh Tutup Peti | :Pada 02.05.2024
Jam 12.00 tengah hari |

3. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebutharga. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai lain selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

4. Sila ambil perhatian bahawa:-

- 4.1 Kontraktor adalah diwajibkan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan/Barangan Binaan Buatan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. dan/ atau Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Service Sdn. Bhd, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah surat setuju terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- 4.2 Bagi bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan juga boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Service Sdn. Bhd. mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dijalankan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Service Sdn. Bhd, kontraktor boleh memohon dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa untuk menjalankan ujian dengan agensi lain.
- 4.3 Kontraktor adalah diwajibkan untuk melengkapkan Borang (A-C) yang dikepilkan bersama-sama ini.

5. Kontraktor yang berjaya dalam sebutharga dikehendaki memulakan kerja dalam masa tujuh (7) hari selepas Inden Kerja dikeluarkan dan dikehendaki siap pada tarikh yang ditetapkan. Denda lewat akan dikenakan jika kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

6. MPKK tidak terikat untuk menerima sebutharga yang rendah sekali atau mana-mana sebutharga sekalipun.

7. Kontraktor hendaklah tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara berikut:-

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota pentadbiran awam dan menyenarai hitam kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberikan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar